

Pemakaian Bahasa Melayu sebagai Bahasa Mahkamah Syariah di Malaysia  
(Application of Malay Language as the Syariah Court Language in Malaysia)

AHMAD AMSYAR AHMAD EFFENDY  
SURENDREN ARUNAGIRI

ABSTRAK

Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan di Malaysia seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, iaitu undang-undang utama negara. Bahasa ini turut berperanan sebagai bahasa mahkamah menurut Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti undang-undang bertulis yang memperuntukkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa mahkamah syariah di negara ini. Pendekatan analitis dan kritis digunakan dengan mengkaji peruntukan undang-undang tempatan di samping beberapa undang-undang luar negara berkenaan perkara yang sama turut dipetik dan diulas bagi tujuan perbandingan. Hasil kajian ini mendapati bahawa undang-undang tersebut jelas menonjolkan peranan bahasa kebangsaan sebagai bahasa mahkamah yang digunakan terutamanya semasa prosiding serta penyediaan dokumen dan notis prosiding. Tuntasnya, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan telah dimartabatkan dan dilindungi menerusi undang-undang bertulis di Malaysia.

Kata kunci: bahasa Melayu; bahasa kebangsaan; mahkamah syariah; bahasa mahkamah.

ABSTRACT

*Malay is the national language of Malaysia as stipulated in the Federal Constitution, the country's supreme law. This language also functions as the language of the court in accordance with the National Language Act 1963/67. The purpose of this study is to identify the written law which provides for the application of Malay as the language of syariah court in the country. Analytical and critical approaches are used by reviewing local law provisions as well as some foreign laws which deal with similar subject matter that are also quoted and appraised for comparative purposes. The result of this study found that the law clearly highlights the role of the national language as the language of the syariah court especially during proceedings as well as the preparation of documents and notices of proceedings. Therefore, the position of Malay as the Malaysian national language has been established and fortified through the written laws in Malaysia.*

*Keywords: Malay; national language; syariah court; language of the court.*

PENGENALAN

Secara umumnya, bahasa kebangsaan bermaksud bahasa yang diterima dan digunakan ramai oleh penduduk sesebuah

negara yang mempunyai beberapa bahasa atau loghat yang lain manakala bahasa rasmi pula bererti bahasa pentadbiran kerajaan menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (Dewan Bahasa dan Pustaka,

2019). Di Malaysia, bahasa Melayu telah diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan Persekutuan Malaysia seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 152(1) Perlembagaan Persekutuan 1957. Dalam sorotan sejarah, bahasa Melayu menjadi bahasa perhubungan utama (lingua franca) dalam urusan perdagangan dan pemerintahan di Kepulauan Melayu sejak berabad-abad lamanya sebelum tanah air ini mencapai kemerdekaan (Adnan Nawang, 2003). Jika dibandingkan dengan negara jiran, iaitu Republik Singapura, perlembagaannya turut mengangkat kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan menjadikan empat bahasa utama di Singapura (bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Mandarin dan bahasa Tamil) sebagai bahasa rasmi seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 153A Perlembagaan Republik Singapura 1963. Oleh hal yang demikian, kewujudan bahasa Melayu sememangnya tidak asing lagi di Kepulauan Melayu ini.

Tambahan pula, menurut Zainal Abidin Ahmad (1956) dalam penulisan Syarifah Darmia Sharif Adam (2014), bahasa Melayu diangkat martabatnya sebagai bahasa kebangsaan kerana menurut Pendeta Za'ba dalam mahakaryanya:

- i. Tanah Melayu ialah negeri orang Melayu;
- ii. bahasa Melayu ialah bahasa tulen negeri ini;
- iii. bahasa Melayu ialah bahasa perantaraan negeri ini;
- iv. bahasa Melayu adalah bahasa yang hidup dan berkembang mengikut peredaran zaman;
- v. bahasa Melayu telah menjadi bahasa Republik Indonesia; dan
- vi. bahasa Melayu adalah bahasa yang mudah.

Tuntasnya, penggunaan bahasa kebangsaan (bahasa Melayu) adalah mustahak kerana bahasa ini merupakan medium penyatuan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama

serta perlu dipertahankan kerana bak kata pepatah, “bahasa jiwa bangsa.”

## PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DI MAHKAMAH SYARIAH TEMPATAN

Menurut Ismail Hussein (2001) dalam penulisan Nik Anas Nik Salleh (t.th), kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan seperti yang termaktub dalam Perkara 152(1) Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957 turut diperkasakan lagi melalui penggubalan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 bagi memperjelas peranannya sebagai bahasa mahkamah di negara kita seperti yang dinyatakan dalam salah satu peruntukannya, iaitu bahasa tersebut hendaklah digunakan dalam segala prosiding dalam Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi atau mana-mana Mahkamah Rendah kecuali dalam hal pemberian keterangan oleh seseorang saksi menurut seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67. Selain itu, prakarsa turut diambil oleh Jabatan Peguam Negara sebelum ini dengan menubuhkan Bahagian Bahasa Kebangsaan pada tahun 1974 untuk menyediakan dokumen-dokumen dalam bahasa kebangsaan seperti undang-undang, triti, perjanjian dan borang-borang (Nur Izzati Rozman, 2018). Oleh hal yang demikian, mahkamah syariah di negara ini turut menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa mahkamah seperti yang diperuntukkan dalam beberapa undang-undang tempatan di bawah:

### 1. Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998

#### Bahasa

232. (1) Melainkan jika diarahkan selainnya oleh Ketua Hakim Syarie, **bahasa kebangsaan hendaklah** digunakan dalam prosiding di Mahkamah. (2) Apa-apa dokumen yang dikehendaki untuk digunakan menurut Akta ini

**hendaklah** dalam **bahasa kebangsaan**, dan dokumen dalam mana-mana bahasa lain hendaklah disertakan dengan terjemahannya dalam bahasa kebangsaan.

Berdasarkan peruntukan di atas, mahkamah wajib menggunakan bahasa kebangsaan (bahasa Melayu) dalam prosidingnya melainkan terdapat arahan lain yang dikeluarkan oleh Ketua Hakim Syarie dan apa-apa dokumen yang hendak digunakan dalam prosiding mahkamah mestilah dalam bahasa kebangsaan dan jika ada mana-mana dokumen yang bukan dalam bahasa kebangsaan, maka dokumen tersebut perlulah disertakan dengan naskhah terjemahannya dalam bahasa Melayu.

## **2. Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003**

### Bahasa

232. (1) Melainkan jika diarahkan selainnya oleh Ketua Hakim Syarie, **bahasa kebangsaan hendaklah** digunakan dalam semua prosiding di Mahkamah.

(2) Apa-apa dokumen yang dikehendaki untuk digunapakai menurut Enakmen ini **hendaklah** dalam **bahasa kebangsaan**, dan dokumen dalam mana-mana bahasa lain hendaklah disertakan dengan terjemahannya dalam bahasa kebangsaan.

Peruntukan di atas turut menyatakan hal yang serupa seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 232(1) Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998, iaitu mahkamah wajib menggunakan bahasa kebangsaan (bahasa Melayu) dalam prosidingnya melainkan jika terdapat arahan lain yang dikeluarkan oleh Ketua Hakim Syarie dan apa-apa dokumen yang hendak digunakan dalam prosiding mahkamah mestilah dalam bahasa kebangsaan dan sekiranya terdapat apa-apa

dokumen yang bukan dalam bahasa Melayu, maka dokumen itu mestilah disertakan sekali dengan naskhah terjemahannya dalam bahasa kebangsaan tersebut.

## **3. Enakmen Mahkamah Syariah Sabah 2004**

### Bahasa

24. (1) **Bahasa Malaysia hendaklah** menjadi bahasa bagi semua prosiding Mahkamah Syariah tetapi Mahkamah Syariah **boleh** demi kepentingan keadilan membenarkan penggunaan mana-mana bahasa lain.

(2) Semua dokumen dan nota prosiding boleh menggunakan tulisan rumi atau jawi.

Peruntukan di atas menerangkan bahawa bahasa Malaysia wajib digunakan dalam semua prosiding mahkamah syariah tetapi dalam beberapa keadaan tertentu, penggunaan mana-mana bahasa lain boleh dibenarkan oleh pihak mahkamah demi kepentingan keadilan manakala penggunaan dokumen dan nota prosiding boleh disediakan sama ada menerusi tulisan rumi atau jawi.

## **4. Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008**

### Bahasa

26. **Bahasa kebangsaan hendaklah** menjadi bahasa bagi semua prosiding Mahkamah Syariah dan semua dokumen serta nota prosiding boleh menggunakan tulisan rumi atau jawi.

Peruntukan di atas menyatakan bahawa bahasa kebangsaan (bahasa Melayu) wajib digunakan dalam semua prosiding mahkamah syariah di Kedah manakala penggunaan dokumen dan nota prosiding boleh disediakan dalam tulisan rumi atau jawi.

## 5. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002

### Bahasa

61. **Bahasa Melayu hendaklah** menjadi bahasa bagi semua prosiding dalam Mahkamah Syariah dan semua dokumen serta nota prosiding boleh menggunakan tulisan rumi atau jawi

Berdasarkan seksyen di atas, bahasa Melayu wajib digunakan dalam semua prosiding mahkamah syariah di Melaka manakala penggunaan dokumen dan nota prosiding boleh disediakan menerusi tulisan rumi atau jawi.

Tuntasnya, undang-undang tempatan yang memperuntukkan hal berkenaan dengan penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa mahkamah syariah seperti yang dinyatakan di atas dapat dikatakan hampir serupa antara satu sama lain. Hal ini telah memperlihatkan ketinggian martabat bahasa Melayu yang turut diangkat oleh mahkamah syariah di negara kita apabila digunakan ketika prosiding mahkamah dan dalam penyediaan dokumen dan nota prosiding yang boleh memanfaatkan tulisan Rumi atau Jawi walaupun bahasa lain masih boleh dibenarkan menurut budi bicara mahkamah seperti di Sabah bagi tujuan kepentingan keadilan dalam kalangan masyarakat setempat.

### PENGGUNAAN BAHASA TERTENTU DI MAHKAMAH SYARIAH DI LUAR NEGARA

Tambahan pula, mahkamah-mahkamah syariah di luar negara juga menggunakan bahasa tertentu sebagai bahasa mahkamah, khususnya semasa perbicaraan dan penyediaan dokumen berdasarkan undang-undang bertulis di negara-negara tersebut seperti yang dinyatakan di bawah:

## 1. Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah 2005 (Brunei Darussalam)

### Bahasa

222. Apa-apa dokumen yang hendak digunakan **hendaklah** dalam **bahasa Melayu** dan dokumen dalam mana-mana bahasa lain, **hendaklah disertakan** dalam terjemahannya dalam **bahasa Melayu**.

Berdasarkan peruntukan di atas, apa-apa dokumen yang hendak digunakan dalam prosiding mahkamah mestilah dalam bahasa Melayu dan sekiranya terdapat apa-apa dokumen dalam bahasa selain bahasa Melayu, dokumen tersebut perlulah disertakan dengan naskah terjemahannya dalam bahasa berkenaan.

## 2. *Administration of Muslim Law Act 2009* (Akta Pentadbiran Undang-Undang Muslim 2009) (Singapura)

### Language and record

38. (1) *The languages of the Court shall be the national language and English.*  
(2) *All documents and written proceedings may be written or typewritten in the national language (Jawi or Rumi script).*

### Trj.: Bahasa dan rekod

38. (1) Bahasa Mahkamah **hendaklah** dalam **bahasa kebangsaan** dan **bahasa Inggeris**.

(2) Semua dokumen dan prosiding tertulis boleh ditulis atau ditaip dalam bahasa kebangsaan (tulisan Jawi atau Rumi).

Berdasarkan peruntukan di atas, mahkamah hendaklah menggunakan bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris dalam prosidingnya dan semua dokumen serta prosiding bertulis boleh ditulis atau ditaip dalam bahasa kebangsaan menerusi tulisan Jawi atau rumi.

### 3. Qanun Aceh Nombor 7 Tentang Hukum Acara Jinayat 2013 (Aceh, Indonesia)

149. (2) Hakim Ketua Majelis memimpin pemeriksaan di sidang Mahkamah yang dilakukan secara lisan dalam **bahasa Indonesia** atau **bahasa yang dimengerti** oleh Terdakwa dan Saksi.

Berdasarkan peruntukan di atas, dapat disimpulkan bahawa hakim yang membicarakan kes di mahkamah syariah di Aceh boleh menggunakan bahasa Indonesia atau bahasa yang difahami oleh tertuduh dan saksi secara lisan semasa prosiding sedang dijalankan.

### 4. *Federal Shariat Court (Procedure) Rules 1981* (Kaedah-kaedah Mahkamah Syariah Persekutuan [Tatacara] 1981) (Pakistan)

#### Language of the Court

62. *The languages of the Court shall be English and Urdu.*

#### Trj.: Bahasa Mahkamah

62. Bahasa Mahkamah **hendaklah** dalam **bahasa Inggeris** dan **Urdu**.

Secara umumnya, Mahkamah Syariah Persekutuan Pakistan hendaklah menggunakan bahasa Inggeris dan Urdu dalam urusan prosidingnya.

### 5. *Law of the Judiciary 1975* (Undang-Undang Kehakiman 1975) (Arab Saudi)

#### Chapter III: Hearings and Judgments

*Article 36: Arabic is the official language of the courts; however, the court may hear through an interpreter the statement of litigants or witnesses who do not speak Arabic.*

### Trj.: Bab III: Pendengaran dan Penghakiman

Perkara 36: Bahasa Arab ialah bahasa rasmi mahkamah-mahkamah; tetapi, mahkamah boleh mendengar pernyataan pihak-pihak atau saksi-saksi yang tidak bertutur dalam bahasa Arab melalui seorang jurubahasa.

Berdasarkan peruntukan di atas, Bahasa Arab diiktiraf sebagai bahasa mahkamah syariah di Arab Saudi tetapi pernyataan pihak-pihak atau saksi-saksi dalam bahasa lain yang diterjemahkan oleh seorang jurubahasa masih boleh didengar oleh mahkamah.

Tuntasnya, terdapat beberapa undang-undang bertulis di luar negara yang menerangkan hal berkaitan dengan penggunaan bahasa tertentu sebagai bahasa mahkamah syariah di negara tersebut sama ada bahasa kebangsaan (bahasa Melayu di Brunei; bahasa Indonesia di Aceh, Indonesia; dan bahasa Arab di Arab Saudi) atau bahasa asing (bahasa Inggeris) atau kedua-duanya sekali (bahasa Melayu dan Inggeris di Singapura; serta bahasa Urdu dan Inggeris di Pakistan) seperti yang diterangkan di atas. Perkara ini menonjolkan kemustahakan penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa mahkamah syariah di luar negara sama seperti di Malaysia.

### KESIMPULAN

Kesimpulannya, bahasa Melayu kelihatan digunakan secara meluas di Malaysia apabila turut dijadikan sebagai bahasa mahkamah syariah di serata negara di samping mahkamah-mahkamah yang lain seumpama Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi. Kewujudan undang-undang berkaitan dengan penggunaannya sebagai bahasa mahkamah adalah penting sekali bagi melindungi kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan di negara kita. Selain itu, beberapa buah negara lain turut

menjadikan bahasa kebangsaan mereka sebagai bahasa mahkamah seperti yang dinyatakan dalam undang-undang tempatan mereka selain bahasa asing (bahasa Inggeris). Natijahnya, keadilan dapat ditegakkan sebaik mungkin terhadap pendakwa dan tertuduh (dalam kes jenayah) mahupun pihak-pihak yang bertelingkah (dalam kes mal) apabila mereka mengemukakan kes mereka untuk dipertimbangkan oleh pihak mahkamah syariah dan perbicaraannya dijalankan dalam bahasa yang mudah difahami oleh majoriti rakyat, terutamanya di Malaysia.

Ahmad Amsyar Ahmad Effendy  
Fakulti Undang-Undang  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
E-mel: amsyarahmed@gmail.com

Surendren Arunagiri  
Fakulti Undang-Undang  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
E-mel: surendren98@gmail.com

## RUJUKAN

- Adnan Nawang. 2003. *Memoir Za'ba*. Malaysia: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2019. bahasa kebangsaan. <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=bahasa+kebangsaan> [29 November 2019].
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2019. bahasa rasmi. <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=bahasa+rasm> [29 November 2019].
- Nik Anas Nik Salleh. t.th. Perkembangan Bahasa Kebangsaan di Malaysia 1957. [https://www.academia.edu/30540459/Perkembangan\\_Bahasa\\_kebangsaan\\_di\\_Malaysia\\_1957.docx](https://www.academia.edu/30540459/Perkembangan_Bahasa_kebangsaan_di_Malaysia_1957.docx) [29 November 2019].
- Nur Izzati Rozman. 2018. Kedudukan Bahasa Melayu dalam Bidang Perundangan Semasa Negara. [https://www.academia.edu/38027691/ISU\\_KEDUDUKAN\\_BAHASA\\_MELAYU\\_DALAM\\_BIDANG\\_PERUNDANGAN\\_SEMASA\\_NEGARA\\_DARI\\_PERSPEKTIF\\_SOSIOLINGUISTIK](https://www.academia.edu/38027691/ISU_KEDUDUKAN_BAHASA_MELAYU_DALAM_BIDANG_PERUNDANGAN_SEMASA_NEGARA_DARI_PERSPEKTIF_SOSIOLINGUISTIK) [29 November 2019].
- Syarifah Darmia Sharif Adam. 2014. Cabaran dan Reaksi Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan dalam Bidang Pentadbiran dan Pendidikan di Malaysia, 1957-1966. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 134: 305-315.